

Newspaper	ROCKET
Date	OCTOBER 2016

Mahathir akhirnya bersalaman dengan Anwar

Rocket - Okt 2016



KUALA LUMPUR: Pertemuan di antara bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 September lalu mencatat sejarahnya tersendiri selepas lebih 18 tahun berseteru, sejak Ketua Umum PKR di dipecat daripada Jawatan

Timbalan Perdana Menteri.

Kehadiran Tun Mahathir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu adalah bagi menyatakan sokongannya terhadap permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mencabar Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN)

2016 sebagai bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pertemuan tersebut disebut pelbagai pihak sebagai satu fasa baru dalam kerjasama dan pensejajaran politik baru untuk menewaskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, setelah Mahathir sepentas dengan pimpinan parti pembangkang melalui kempen Deklarasi Rakyat.

Foto pertemuan kedua-dua pemimpin politik yang menjadi viral di laman sosial memperlihatkan Tun Dr. Mahathir dan Anwar dirakam bersalaman, mesra dan saling berbual.

Bekas presiden UMNO yang kini penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) itu juga kelihatan duduk di bahagian hadapan dalam mahkamah bersama Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali, beberapa pemimpin politik dan NGO.

Mahathir bagaimanapun memberitahu pemberita di luar kamar mahkamah bahawa beliau sekadar hadir kerana minatnya terhadap kes terbabit.